

Kebakaran hutan Bukit Broga padam


Kajang: Kebakaran hutan Bukit Broga di Semenyih, di sini, sejak lewat petang kelmarin dipadam sepenuhnya awal pagi semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Wan Md Razali Wan Ismail, berkata operasi pemadaman diamatkan pada jam 3.30 pagi.

“Seramai 28 pegawai dan anggota bersama jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Semenyih, BBP Bangi dan BBP Ampang terbabit dalam operasi pemadaman api di hutan berkenaan.

“Kebakaran membabitkan kawasan hutan di puncak Bukit Broga dengan anggaran keluasan dua hektar. Kebakaran mudah merebak ke beberapa tompok api disebabkan tiupan angin di sekitar bukit,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Wan Md Razali berkata, pihaknya yang tidak mempunyai akses kenderaan ke lokasi kebakaran menyebabkan anggota bomba terpaksa memanjat ke puncak bukit yang mengambil masa antara 30 minit hingga 45 minit untuk



Kesan kebakaran hutan di Bukit Broga yang sudah dipadam sepenuhnya.

(Foto Saifullizan Tamadi/ BH)

sampai ke lokasi.

“Pemadaman dijalankan dengan menggunakan ‘fire beater’ berikutan ketiadaan sumber air.

“Tindakan operasi ialah untuk menyekat api merebak di sekitar bukit, selain memadamkan kebakaran sepenuhnya,” katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen

Hulu Langat, Sany Hamzan, turut berada di lokasi bagi melihat kerja pemadaman oleh pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor.

Laporan mengenai kebakaran itu diterima pada jam 7.39 malam sebelum sepasukan bomba dari

BBP Semenyih dan satu jentera FRT dikejarkan ke lokasi untuk memadam kebakaran.

Terdahulu, tular beberapa rakaman video di media sosial berhubung kebakaran di Bukit Broga, yang terkenal sebagai satu daripada destinasi popular untuk aktiviti pendakian di negara ini.